

Tidak wajar tutup pintu sempadan negara

SHAH ALAM - Keputusan kerajaan untuk tidak menutup sempadan negara kepada pelancong asing adalah tindakan yang paling sesuai dilakukan buat masa ini.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Rosliza Abd Manaf berkata, varian BA.5.2 dan BF.7 Covid-19 yang menular di China ketika ini tidak mendatangkan kesan jangkitan teruk di negara ini memandangkan hampir 90 peratus penduduk Malaysia sudah divaksin.

"Majoriti rakyat Malaysia telah divaksin, jadi insya-ALLAH ia tidak akan menyebabkan lonjakan kes.

"Jika sempadan ditutup bagaimana kita mahu galakan sektor ekonomi yang baru hendak mula," katanya.

Beliau berkata demikian pada program Sinar Live 'Covid-19: Varian baharu, kita terancam?' yang disiarkan di semua platform *Sinar Harian* pada Khamis.



Dr Rosliza (kanan) ketika program Sinar Live 'Covid-19: Varian baharu, kita terancam?' yang disiarkan di semua platform *Sinar Harian* pada Khamis.

terancam? yang dihoskan oleh Fahiz Ariff dan disiarkan di semua platform *Sinar Harian* pada Khamis.

Beliau turut menjelaskan, maksud pintu sempadan negara diperketatkan bukan bermaksud menghalang

pelancong asing masuk atau rakyat Malaysia ke luar negara.

"Kita lebih sarankan langkah lebih berhati-hati. Kena tengok perkembangan yang dikongsi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

melibatkan saringan suhu.

"Saringan suhu akan dilakukan di semua pintu masuk. Langkah yang baik untuk menyaring suhu badan tapi boleh ditambah dengan kaedah saringan lain iaitu ujian PCR sebelum menaiki pesawat," katanya.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, langkah holistik perlu diambil dalam menangani kes Covid-19 di Malaysia.

Dr Rosliza berkata, sudah lebih tiga tahun dunia dilanda pandemik Covid-19 dan telah menyebabkan beratus-ratus subvarian telah wujud.

"Untuk virus ini hidup dalam badan manusia, memang akan berlaku mutasi dan menyebabkan timbulnya pelbagai jenis varian.

"Kemunculan varian baharu ini akan berterusan bukan hanya sekarang tetapi seterusnya pada masa akan datang," katanya.